

UMS lahir 46,318 graduan sejak 20 tahun

BH 26.11.2014 5

Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang memerlukan ulang tahun ke-20 kelmarin, sudah melahirkan 46,318 graduan dalam pelbagai bidang pengajian sepanjang penubuhannya.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kesembilan itu turut melakar beberapa kejayaan membanggakan termasuk pengiktirafan cemerlang dengan lima bintang dalam pernaraan IPTA (SETARA) pada tahun lalu.

Beliau berkata, pada SETARA 2007 dan 2011, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) meletakkan UMS pada kedudukan baik (tiga bintang) dan sangat baik (empat bintang).

Tambah baik kualiti

Katanya, kejayaan itu menggambarkan usaha berterusan UMS dalam menambah baik kualiti dan kedudukannya menerusi pelbagai inisiatif dan pendekatan yang dikenal pasti berupaya melonjakkan nama universiti.

"Ramai yang menjadi tokoh hebat dalam dunia perniagaan dan swasta, selain memegang tampuk pengurusan tertinggi dalam negara. Tidak kurang juga melahirkan pemimpin politik muda yang berjaya seperti Exco Kedah, Datin Nor Sabrina Mohd Nor.

"Insya-Allah, dengan komitmen tinggi dan usaha gigih seluruh warga universiti, UMS akan mencapai pengiktirafan terbilang, enam bintang dalam



Juhar (dua dari kiri) bersama Mohd Harun (kiri), Zaki (tiga dari kiri) dan Abdullah (kanan) memotong kek pada majlis sambutan 20 tahun penubuhan UMS.

[FOTO LANO LAN/BH]

FAKTA NOMBOR

RM2.8 juta

kutipan yang berjaya dikumpul untuk membantu pelajar dan pembangunan universiti

tempoh terdekat," kata pada Majlis Sambutan Ulang Tahun Ke-20 UMS, malam kelmarin.

Sumbang kepakaran

Yang turut hadir Yang di-Pertua Negeri Sabah yang juga Canselor UMS, Tun Juhan Mahiruddin dan isteri, Toh Puan Norlidah RM Jasni; bekas Canselor pertama UMS, Tun Sakaran Dandai, Pengurus Lemba Pengarah UMS, Tun Zaki Azmi dan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said.

Mohd Harun berkata, UMS mengalui-alukan sumbangan idea dan kepakaran daripada ahli alumni dan graduan uni-

versiti itu bagi membantu UMS terus maju dalam membangunkan sumber akademik, penyelidikan dan sahsiah pekerja.

Sempena majlis itu, Juhan melancarkan Buku Coffee Table UMS Ke-20 dan Tabung Dana Alumni UMS yang berjaya mengumpul RM2.8 juta untuk membantu pelajar dan pembangunan universiti itu.

Penubuhan UMS diumumkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada 31 Januari 1994 sebelum memulakan pengambilan pelajar pada 1995 dengan kumpulan pertama 205 orang.